

**KESEDARAN DAN KOMITMEN PENDIDIKAN PEMBANGUNAN LESTARI
DALAM KOMUNITI SEKOLAH MENERUSI PROGRAM SEKOLAH LESTARI
DI MALAYSIA**

HANIFAH BINTI MAHAT

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپريسي قنديدين سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)

Kertas projek

Sarjana penyelidikan

Sarjana penyelidikan dan kerja kursus

Doktor falsafah

✓


INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 26 (hari bulan) MAC (bulan) 2014

i. Perakuan pelajar

Saya **HANIFAH BINTI MAHAT (P20102001390)** FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **KESEDARAN DAN KOMITMEN PENDIDIKAN PEMBANGUNAN LESTARI DALAM KOMUNITI SEKOLAH MENERUSI PROGRAM SEKOLAH LESTARI DI MALAYSIA** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia :

Saya **PROF. MADYA DR. MOHAMAD SUHAILY YUSRI CHE NGAH** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **KESEDARAN DAN KOMITMEN PENDIDIKAN PEMBANGUNAN LESTARI DALAM KOMUNITI SEKOLAH MENERUSI PROGRAM SEKOLAH LESTARI DI MALAYSIA** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian / sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (Geografi)

26/3/2014

Tarikh



Tandatangan Penyelia

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur kepada Allah S.W.T kerana telah memberi saya kekuatan, kesihatan, masa yang cukup, kelapangan dan kematangan fikiran kepada saya untuk menyiapkan kajian ini. Kesabaran dan kesihatan untuk menyiapkan kajian ini. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu saya sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam proses menyiapkan kajian ini. Pertama sekali saya sangat berterima kasih kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah dan En. Shaharudin Idrus yang telah membimbing saya, memberi nasihat, teguran membina serta saranan penambahbaikan sepanjang kajian ini dijalankan. Terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah dari UPSI, UKM dan IPG yang membantu secara tidak langsung.

Penghargaan juga diberikan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya Bahagian Tajaan Pendidikan yang telah memberi biasiswa sepanjang tempoh pengajian ini. Selain itu, penghargaan juga ditujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar pendidikan KPM, Jabatan Pelajaran Negeri dan Pengetua yang memberi kebenaran untuk saya menjalankan kajian di sekolah dan semua guru, pelajar dan ibu/bapa yang sudi meluangkan masa menjadi responden kajian ini.

Tidak lupa juga saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada suami, anakanda Hanna Azzalea, semua ahli keluarga yang merestui dan sentiasa mendoakan kejayaan saya.

Akhir sekali terima kasih saya kepada semua pihak yang terlibat langsung atau tidak langsung dalam usaha menyiapkan tesis ini.

Kajian ini bertujuan untuk menilai kesedaran dan komitmen pendidikan pembangunan lestari (*education for sustainable development*-ESD) dalam kalangan pelajar, guru dan ibu/bapa/penjaga yang terlibat dalam Program Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) yang bertindak sebagai pengukur utama. Kesedaran merangkumi domain pengetahuan Program SLAAS, pengetahuan kandungan ESD, pengetahuan amalan ESD, sikap ESD dan tingkah laku ESD. Kaedah kajian yang digunakan ialah kuantitatif (tinjauan soal selidik) dan disokong oleh kaedah kualitatif (temu bual). Sampel kajian kuantitatif terdiri daripada 447 orang pelajar, 247 orang guru dan 245 orang ibu/bapa/penjaga. Manakala sampel kajian kualitatif terdiri daripada 12 orang guru. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif untuk pemerihalan pemboleh ubah dan statistik inferensi iaitu ujian t, ANOVA, korelasi Pearson, regresi berganda, ujian model persamaan struktural (*Structural Equation Modeling*-SEM) digunakan untuk menguji hipotesis. Hasil kajian menunjukkan (i) tahap kesedaran ESD berbeza mengikut domain bagi guru, pelajar dan ibu/bapa/penjaga manakala tahap komitmen ESD pelajar dan guru pada tahap sederhana manakala ibu/bapa/penjaga mempunyai komitmen ESD pada tahap tinggi. (ii) Profil latar belakang turut memberi kesan yang berbeza terhadap kesedaran dan komitmen ESD guru, pelajar dan ibu/bapa/penjaga. (iii) Ujian korelasi menjelaskan bahawa wujudnya hubungan yang signifikan antara domain. (iv) Analisis SEM ke atas pelajar mendapati pengetahuan amalan ESD, pengetahuan Program SLAAS dan sikap ESD memberi sumbangan yang signifikan ke atas tingkah laku ESD secara langsung. Bagi guru, pengetahuan amalan ESD dan sikap ESD memberi sumbangan yang signifikan ke atas tingkah laku ESD. Sebaliknya pengetahuan Program SLAAS memberi kesan yang signifikan secara tidak langsung jika melalui pengetahuan kandungan ESD dan sikap ESD ke atas tingkah laku ESD guru. Hasil ujian SEM membantu laluan pembentukan model kesedaran ESD. Justeru, model kesedaran ESD ini boleh dijadikan petunjuk dalam usaha mengubah dan meningkatkan kesedaran ESD. Penemuan kajian ini juga membuktikan Program SLAAS yang dilaksanakan dalam tempoh masa yang panjang lebih berjaya dan perlu diteruskan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai satu Indeks Prestasi Utama (*KPI*) yang memberi kesan langsung terhadap usaha meningkatkan kesedaran dan komitmen ESD warga sekolah.

AWARENESS AND COMMITMENT TOWARDS EDUCATION FOR SUSTAINABLE DEVELOPMENT IN SCHOOL COMMUNITIES THROUGH SUSTAINABLE SCHOOL PROGRAMME IN MALAYSIA

ABSTRACT

The aim of this study is to evaluate awareness and commitment to sustainable development (education for sustainable development-ESD) among students, teachers, parents and guardians involved in the Sustainable Schools Program Environmental Award (SLAAS) which acts as the main measure. The awareness domain includes knowledge of SLAAS Programme, knowledge of ESD content, ESD practices, attitudes and behaviour towards ESD. The methods involved were quantitative (questionnaire survey) and supported by qualitative inquiry (interviews). The quantitative sample consists of 447 students, 247 teachers and 245 mother / father / guardian whereas the qualitative study sample consisted of 12 teachers. Data was analyzed using descriptive statistics for variable descriptions and inferential statistical t-test, ANOVA, Pearson correlation, multiple regression and structural equation model testing (Structural Equation Modeling-SEM) was used to test the hypothesis. Results showed that (i) the level of awareness vary by ESD domains for teachers, students and parents / parents / guardians and students ESD level of commitment, teachers at a moderate level while the mother / father / guardian has a high level of commitment to ESD. (ii) background profile also gives different impact on ESD awareness and commitment of teachers, students and parents / father / guardian. (iii) correlation tests pointed out that there is a significant relationship between the domains. (iv) SEM analysis of ESD students finds knowledge practices, knowledge of SLAAS Programme and ESD attitude contributed significantly to the ESD behaviour directly. For teachers, knowledge of ESD practices and ESD attitude is a significant contribution to the ESD behaviour. Instead knowledge of SLAAS Programme significantly gives indirect impact via the ESD content knowledge and ESD attitude of the ESD behavior of teachers. SEM test results help to transform ESD awareness model. Thus, this ESD awareness model can be an indication in order to transform and raise awareness of ESD. The findings also proved that the implementation of the SLAAS Programme is more successful within a longer time period and should be continued by the Ministry of Education as a Key Performance Indicator (KPI) that impacts directly on enhancing the ESD awareness and commitment of the school communities.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xviii
SENARAI SINGKATAN	xx

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Penyataan Masalah	7
1.4	Matlamat dan Objektif Kajian	13
1.5	Persoalan Kajian	14
1.6	Hipotesis Kajian	15
1.7	Kerangka Konseptual Kajian	17
1.8	Kepentingan Kajian	24
1.9	Batasan Kajian	26
1.10	Definisi Istilah dan Operasional	28
1.10.1	Kesedaran	28
1.10.2	Pengetahuan	29
1.10.3	Sikap	30
1.10.4	Tingkah laku	32
1.10.5	Komitmen	33
1.10.6	Pendidikan Pembangunan Lestari	34
1.10.7	Sekolah Lestari	35
1.11	Struktur Tesis	36
1.12	Rumusan	37

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	38
2.2	Pembangunan Lestari	39
2.3	Domain Pembangunan Lestari	44
2.3.1	Domain Alam Sekitar/Ekologi	52
2.3.2	Domain Sosial	53
2.3.3	Domain Ekonomi	55
2.4	Konsep Pembangunan Lestari di Malaysia	56
2.5	Pendidikan Pembangunan Lestari	63
2.5.1	Definisi Pendidikan Pembangunan Lestari	65
2.5.2	Sekolah Lestari	72
2.5.3	Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar di Malaysia	77
2.5.3.1	Sejarah	78
2.5.3.2	Objektif Sekolah Lestari	80
2.5.3.3	Komponen dan Petunjuk Boleh Ukur (PBU) Penilaian Sekolah Lestari	80
2.5.3.4	Proses Penilaian Penganugerahan Sekolah Lestari	82
2.6	Kajian Pendidikan Pembangunan Lestari di Luar Malaysia	84
2.7	Pendidikan Pembangunan Lestari di Malaysia	88
2.8	Pendidikan Alam Sekitar	93
2.8.1	Hubungan EE dan ESD	98
2.8.2	Kajian Perbandingan EE dan ESD Mengikut Lokasi	104
2.8.3	Kajian Perbandingan EE dan ESD Mengikut Kursus/Bengkel Alam Sekitar	109
2.8.4	Kekangan Mengimplementasikan EE Dalam Sistem Pendidikan	112
2.9	Hubungan Ibu Bapa dan Anak Dalam Aspek Persekitaran	118
2.10	Kesedaran Pendidikan Pembangunan Lestari	121
2.10.1	Domain Pengetahuan	123
2.10.2	Domain Sikap	126

2.10.3	Domain Tingkah laku	130
2.10.4	Domain Komitmen	135
2.10.5	Kajian Hubungan Domain Pengetahuan, Sikap dan Tingkah laku	137
2.11	Pendekatan Teori dan Model	139
2.11.1	Teori Tindakan Bertujuan (<i>Theory of Reasoned Action</i>)	140
2.11.2	Teori Tingkah Laku Terancang (<i>Theory of Planned Behaviour</i>)	143
2.11.3	Teori Sikap	146
2.11.4	Model Konseptual Tingkah Laku Alam Sekitar	150
2.11.5	Model Sistem Perubahan Tingkah Laku	151
2.11.6	Model Tingkah Laku Bertanggungjawab Alam Sekitar	154
2.11.7	Model Tingkah Laku Alam Sekitar	156
2.11.8	Model Komitmen Pendidikan Alam Sekitar	158
2.12	Rumusan	160
BAB 3	METOD KAJIAN	
3.1	Pendahuluan	162
3.2	Reka Bentuk Kajian	163
3.3	Kaedah Kuantitatif	166
3.3.1	Populasi dan Persampalen Kuantitatif	168
3.3.2	Saiz Sampel	176
3.3.3	Instrumen Kajian Kuantitatif	180
3.3.3.1	Soal Selidik Set Pelajar	184
3.3.3.2	Soal Selidik Set Guru	190
3.3.3.3	Soal Selidik Set Ibu/Bapa/ Penjaga	196
3.4	Kaedah Kualitatif	199
3.4.1	Kaedah Temu Bual	200
3.4.2	Persampelan Kuantitatif	202
3.4.3	Instrumen Kajian Kualitatif	205
3.5	Kajian Rintis	205
3.6	Kebolehpercayaan dan Kesahan Soal Selidik	209

3.6.1	Kebolehpercayaan Soal Selidik	209
3.6.2	Kesahan Soal Selidik	214
3.7	Prosedur Kajian	228
3.7.1	Prosedur Kajian Rintis	229
3.7.2	Prosedur Kajian Sebenar	230
3.8	Kaedah Analisis Data Kuantitatif	232
3.8.1	Ujian t	232
3.8.2	Ujian ANOVA	233
3.8.3	Analisis Korelasi	234
3.8.4	Analisis Regresi Linear Berganda	234
3.8.5	Analisis Model Persamaan Struktural	235
3.9	Kaedah Analisis Data Kualitatif	237
3.10	Rumusan	239
BAB 4	HASIL KAJIAN	
4.1	Pendahuluan	240
4.2	Profil Responden Kajian	242
4.2.1	Profil Responden Pelajar	242
4.2.2	Profil Responden Guru	244
4.2.3	Profil Responden Ibu/Bapa/Penjaga	246
4.3	Profil Pendidikan Alam Sekitar Responden	248
4.4	Analisis Tahap Kesedaran dan Komitmen ESD	258
4.4.1	Analisis Tahap Kesedaran dan Komitmen ESD Pelajar	259
4.4.2	Analisis Tahap Kesedaran dan Komitmen ESD Guru	267
4.4.3	Analisis Tahap Kesedaran dan Komitmen ESD Ibu/Bapa/Penjaga	274
4.5	Analisis Perbezaan Konstruk Kesedaran dan Komitmen ESD Mengikut Lokasi Sekolah	276
4.5.1	Analisis Perbezaan Konstruk Kesedaran dan Komitmen ESD Mengikut Lokasi Sekolah Pelajar	277
4.5.2	Analisis Perbezaan Konstruk Kesedaran dan Komitmen ESD Mengikut Lokasi Sekolah Guru	282

4.5.3	Analisis Perbezaan Konstruk Kesedaran dan Komitmen ESD Ibu/Bapa/Penjaga Mengikut Lokasi	287
4.6	Analisis Perbezaan Konstruk Kesedaran dan Komitmen ESD Mengikut Peringkat Penyertaan	289
4.6.1	Analisis Perbezaan Konstruk Kesedaran dan Komitmen ESD Mengikut Peringkat Penyertaan Pelajar	289
4.6.2	Analisis Perbezaan Konstruk Kesedaran dan Komitmen ESD Mengikut Peringkat Penyertaan Guru	297
4.7	Analisis Perbezaan Konstruk Kesedaran dan Komitmen ESD Mengikut Bilangan Menghadiri Kem/Bengkel/Kursus Responden	305
4.7.1	Analisis Perbezaan Konstruk Kesedaran dan Komitmen ESD Mengikut Bilangan Menghadiri Kem/Bengkel/ Kursus Pelajar	306
4.7.2	Analisis Perbezaan Konstruk Kesedaran dan Komitmen ESD Mengikut Bilangan Menghadiri Kem/Bengkel/ Kursus Guru	313
4.8	Analisis Hubungan Di antara Konstruk Kesedaran ESD	320
4.8.1	Analisis Hubungan Di antara Konstruk Kesedaran ESD Dalam kalangan Pelajar	321
4.8.2	Analisis Hubungan Di antara Konstruk Kesedaran ESD Dalam kalangan Guru	323
4.8.3	Analisis Hubungan Di antara Konstruk Kesedaran ESD Dalam kalangan Ibu/Bapa/Penjaga	325
4.9	Analisis Pengaruh Di antara Pemboleh Ubah Bebas dengan Pemboleh ubah Bersandar	327
4.9.1	Analisis Pengaruh Di antara Pemboleh Ubah Bebas dengan Pemboleh ubah Bersandar Pelajar	328
4.9.2	Analisis Pengaruh Di antara Pemboleh Ubah Bebas dengan Pemboleh ubah Bersandar Guru	331
4.9.3	Analisis Pengaruh Di antara Pemboleh Ubah Bebas dengan Pemboleh ubah Bersandar Ibu/Bapa/Penjaga	334
4.10	Analisis Ujian Model Persamaan Struktural Pembolehubah	338

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDID
4.11	Analisis Data Kualitatif	354
4.11.1	Pengetahuan Program SLAAS	355
4.11.2	Pengetahuan Kandungan ESD	357
4.11.3	Pengetahuan Amalan ESD	360
4.11.4	Tingkah laku ESD	364
4.11.5	Komitmen ESD	366
4.11.6	Rumusan Hasil Temu Bual	368
4.12	Rumusan	372
BAB 5	PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	373
5.2	Pendidikan Pembangunan Lestari	374
5.3	Perbincangan Hasil Kajian	376
5.3.1	Tahap Kesedaran dan Komitmen ESD	376
5.3.2	Perkaitan Domain Kesedaran ESD Mengikut Lokasi, Peringkat Penyertaan dan Kehadiran Dalam Kem/Bengkel/ Kursus EE	384
5.3.3	Hubungan Setiap Domain kesedaran ESD dalam Kalangan Pelajar, Guru dan Ibu/ Bapa/Penjaga.	392
5.3.4	Pengaruh Pemboleh Ubah Bebas dengan Pemboleh Ubah Bersandar	395
5.3.5	Perhubungan Berstruktur Pengetahuan ESD Melalui Sikap ESD Terhadap Tingkah laku ESD Pelajar dan Guru	399
5.4	Implikasi Kajian	401
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	405
5.6	Kesimpulan	407
RUJUKAN		409
LAMPIRAN		
A	Senarai Peserta Sekolah Lestari Peringkat Sekolah Menengah bagi Sesi 2009/2010	
B	Surat Lantikan Pakar Kandungan Soal Selidik	
C	Borang Penilaian Pakar Terhadap Item-item Soal Selidik	
D	Soal Selidik Set Pelajar	
E	Soal Selidik Set Guru	

Soal Selidik Set Ibu/Bapa/Penjaga

Protokol Temu Bual

Surat Perlantikan Pakar Konstruk

Surat Kebenaran Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
(EPRD)

Surat Kebenaran Kajian Rintis Jabatan Pelajaran Negeri Selangor dan Jabatan
Pelajaran Pulau Pinang

Surat Makluman Kajian Rintis 1 dan Kajian Rintis 2

Surat Kebenaran Jabatan-Jabatan Pelajaran Negeri yang Terlibat

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
2.1 Bilangan Penyertaan Sekolah Seluruh Malaysia Dalam SLAAS	79
2.2 Petunjuk Boleh Ukur Penilaian SLAAS	82
3.1 Penerima Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar (Sek. Men.) bagi Sesi 2009/2010	173
3.2 Sekolah Lestari yang Dipilih Berdasarkan Kategori dan Lokasi	174
3.3 Saiz Sampel Setiap Sekolah bagi Tujuan Pengedaran Soal Selidik	178
3.4 Saiz Sampel Sebelum dan Selepas Kajian	179
3.5 Bidang Kepakaran Pakar Kandungan Soal Selidik	182
3.6 Maklumat Soal Selidik Set Pelajar	189
3.7 Maklumat Soal Selidik Set Guru	195
3.8 Maklumat Soal Selidik Set Ibu/Bapa/Penjaga	198
3.9 Bilangan Sampel Kajian Rintis	207
3.10 Nilai Kebolehpercayaan Item Set Soal Selidik Pelajar	211
3.11 Nilai Kebolehpercayaan Item Set Soal Selidik Guru	212
3.12 Nilai Kebolehpercayaan Item Set Soal Selidik Ibu/Bapa/Penjaga	213
3.13 Nilai Kebolehpercayaan Kajian Sebenar Item Soal Selidik Pelajar dan Guru	213
3.14 Nilai Kebolehpercayaan Kajian Sebenar Item Soal Selidik Ibu/Bapa/Penjaga	214
3.15 Kesahan Item Pengetahuan Program SLAAS Set Soal Selidik Pelajar	215

3.16	Kesahan Item Pengetahuan Kandungan ESD Set Soal Selidik Pelajar	216
3.17	Kesahan Item Pengetahuan Amalan ESD Set Soal Selidik Pelajar	217
3.18	Kesahan Item Sikap ESD Set Soal Selidik Pelajar	217
3.19	Kesahan Item Tingkah laku ESD Soal Selidik Pelajar	218
3.20	Kesahan Item Komitmen ESD Soal Selidik Pelajar	219
3.21	Kesahan Item Pengetahuan Program SLAAS Soal Selidik Guru	220
3.22	Kesahan Item Pengetahuan Kandungan ESD Soal Selidik Guru	221
3.23	Kesahan Item Pengetahuan Amalan ESD Soal Selidik Guru	222
3.24	Kesahan Item Sikap ESD Soal Selidik Guru	223
3.25	Kesahan Item Tingkah laku ESD Soal Selidik Guru	224
3.26	Kesahan Item Komitmen ESD Soal Selidik Guru	225
3.27	Kesahan Item Pengetahuan ESD Soal Selidik Ibu Bapa/Penjaga	226
3.28	Kesahan Item Tingkah laku ESD Soal Selidik Ibu Bapa/Penjaga	227
3.29	Kesahan Item Komitmen ESD Soal Selidik Ibu/Bapa/Penjaga	228
3.30	Ringkasan Jenis Ujian Statistik Berdasarkan Objektif Kajian	236
3.31	Contoh Kod bagi Data Temu Bual	238
4.1	Taburan Kekerapan Demografi Responden Pelajar	243
4.2	Taburan Kekerapan Demografi Responden Guru	245
4.3	Taburan Kekerapan Demografi Responden Ibu/Bapa/Penjaga	247
4.4	Latar Belakang Pendidikan Alam Sekitar Pelajar dan Guru	249
4.5	Penganjur Kursus/kem/bengkel Pendidikan Alam Sekitar	252

4.6	Mengetahui Sekolah Menyertai Program SLAAS	252
4.7	Penglibatan Ibu/Bapa/Penjaga dalam Program SLAAS	253
4.8	Sumber Maklumat Program SLAAS	254
4.9	Pengetahuan Dalam Melaksanakan Aktiviti SLAAS	255
4.10	Pengetahuan Dalam Melaksanakan Aktiviti SLAAS Ibu/Bapa/Penjaga	256
4.11	Isu-isu Alam Sekitar yang Sering Dibincangkan Pelajar dan Guru	257
4.12	Tahap Konstruk Kesedaran dan Komitmen ESD Pelajar	263
4.13	Frekuensi Komitmen Pelajar Dalam Program SLAAS	265
4.14	Kekerapan Keseluruhan Komitmen Program SLAAS Pelajar	266
4.15	Tahap Konstruk Kesedaran dan Komitmen ESD Guru	270
4.16	Frekuensi Komitmen Guru Dalam Program Sekolah SLAAS	272
4.17	Kekerapan Keseluruhan Komitmen Program SLAAS Guru	273
4.18	Tahap Kesedaran dan Komitmen ESD Ibu/Bapa/Penjaga	274
4.19	Frekuensi Komitmen ESD Ibu/Bapa/Penjaga	276
4.20	Perbezaan Konstruk Kesedaran dan Komitmen ESD antara Pelajar Bandar dan Luar Bandar	281
4.21	Perbezaan Konstruk Kesedaran dan Komitmen ESD antara Guru Bandar dan Luar Bandar	287
4.22	Perbezaan Pengetahuan, Tingkah laku dan Komitmen ESD Ibu/Bapa/Penjaga antara Responden Bandar dan Luar bandar	288
4.23	Perbezaan Kesedaran dan Komitmen ESD Mengikut Peringkat Sekolah bagi Pelajar	294
4.24	Perbezaan Kesedaran dan Komitmen ESD Mengikut Peringkat Sekolah bagi Guru	304
4.25	Perbezaan Kesedaran dan Komitmen ESD Mengikut Bilangan Menghadiri Kem/Bengkel/ Kursus Pelajar	312


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDID
4.26	Perbezaan Kesedaran dan Komitmen ESD Mengikut Bilangan Menghadiri Kem/Bengkel/ Kursus Guru	319
4.27	Hubungan Antara Konstruk Kesedaran ESD Pelajar	322
4.28	Hubungan Antara Konstruk Kesedaran ESD Guru	324
4.29	Hubungan Konstruk Kesedaran ESD Pelajar dengan Kesedaran ESD Ibu/bapa/penjaga	327
4.30	Pengaruh Pengetahuan Program SLAAS, Pengetahuan Amalan ESD terhadap Pengetahuan kandungan ESD Pelajar	329
4.31	Pengaruh Pengetahuan Amalan ESD Terhadap Pengetahuan Kandungan ESD Pelajar	330
4.32	Pengaruh Pengetahuan Program SLAAS, Pengetahuan Amalan ESD, Pengetahuan Kandungan ESD Terhadap Sikap ESD Pelajar	330
4.33	Pengaruh Pengetahuan Program SLAAS, Pengetahuan Amalan ESD dan Sikap ESD terhadap Tingkah laku ESD Pelajar	331
4.34	Pengaruh Pengetahuan Program SLAAS dan Pengetahuan Amalan ESD Terhadap Pengetahuan Kandungan ESD Guru	332
4.35	Pengaruh Pengetahuan Program SLAAS dan Pengetahuan Amalan ESD Terhadap Sikap ESD Guru	333
4.36	Pengaruh Pengetahuan Program SLAAS, Pengetahuan Amalan ESD dan Sikap ESD Terhadap Tingkah laku ESD Guru	334
4.37	Pengaruh Pengetahuan ESD dan Tingkah Laku ESD Ibu/bapa/penjaga Terhadap Pengetahuan Program SLAAS Pelajar	335
4.38	Pengaruh Pengetahuan ESD dan Tingkah laku ESD Ibu/Bapa/Penjaga Terhadap Pengetahuan Kandungan ESD Pelajar	335
4.39	Pengaruh Pengetahuan ESD dan Tingkah laku ESD Ibu/Bapa/Penjaga Terhadap Pengetahuan Amalan ESD Pelajar	336
4.40	Pengaruh Pengetahuan ESD dan Tingkah laku ESD Ibu/bapa/penjaga Terhadap Sikap ESD Pelajar	337
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIK

4.41	Pengaruh Pengetahuan ESD dan Tingkah Laku ESD Ibu/Bapa/Penjaga Terhadap Tingkah Laku ESD Pelajar	338
4.42	Hasil Model Ukuran Pelajar	340
4.43	Hasil Model Ukuran Guru	344
4.44	Rumusan Hasil Kajian Mengikut Hipotesis Alternatif	346
4.45	Sekolah dan Kod Subjek Temu bual	354
4.46	Rumusan Hasil Temu Bual	371
5.1	Rumusan Perkaitan Domain Kesedaran ESD Pelajar dan Guru Mengikut Lokasi Bandar dan Luar Bandar	385
5.2	Rumusan Perkaitan Domain Kesedaran ESD Ibu/Bapa/Penjaga Mengikut Lokasi Bandar dan Luar Bandar	386
5.3	Rumusan Perbezaan Domain ESD Mengikut Peringkat Penyertaan Pelajar	388
5.4	Rumusan Perbezaan Domain ESD Mengikut Peringkat Penyertaan Guru	389
5.5	Rumusan Perkaitan Domain Kesedaran ESD Pelajar dan Guru Mengikut Peringkat Penyertaan	389
5.6	Rumusan Perkaitan Domain Kesedaran ESD Mengikut Bilangan Menghadiri Kem/Bengkel/Kursus bagi Pelajar dan Guru	391
5.7	Rumusan Dapatan Ujian Regresi dan Ujian Korelasi bagi Konstruk Kesedaran ESD Pelajar dengan Pengetahuan dan Tingkah laku ESD Ibu/Bapa/Penjaga	398

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1.1	Kerangka Konseptual Kesedaran Pendidikan Pembangunan Lestari	23
1.2	Cadangan Kerangka Model Kesedaran Pendidikan Pembangunan Lestari	24
2.1	Tiga Tonggak Utama Pembangunan Lestari	45
2.2	Pendidikan Mendasari Pembangunan Lestari	46
2.3	Evolusi <i>Tetrahedron</i> Pembangunan Lestari	46
2.4	Tiga Dimensi Kelestarian	47
2.5	Pertindihan Komponen Pembangunan Lestari	48
2.6	Tiga Kelompok Kelestarian (<i>Sustainability Triad</i>)	49
2.7	<i>Three Pillars Sustainability</i>	50
2.8	<i>Triple Bottom Line</i>	51
2.9	Proses Penilaian Pemenang SLAAS	83
2.10	Hubungan EE dan ESD	101
2.11	Model <i>Theory of Reasoned Action</i> (TRA)	141
2.12	Model <i>Theory of Planned Behavior</i> (TPB)	145
2.13	Tiga Komponen Utama Sikap	147
2.14	Model Konseptual Tingkah Laku Alam Sekitar	151
2.15	Sistem Perubahan Tingkah Laku Tradisional	152
2.16	Model Tingkah Laku Bertanggungjawab Alam Sekitar	155
2.17	Model Tingkah Laku Alam Sekitar: Pemboleh ubah Major dan Minor dalam Tingkah Laku Bertanggungjawab Alam Sekitar	158
2.18	Model Komitmen Pendidikan Alam Sekitar	159
3.1	Reka Bentuk Keseluruhan Kajian	165
3.2	Hubung kait Pemboleh Ubah Bebas dan Pemboleh Ubah Bersandar	166
3.3	Carta Alir Pemilihan Anugerah Program SLAAS	171
3.4	Teknik Persampelan dan Bilangan Sampel Kajian	175

5	Carta Alir Keseluruhan Kajian	231
1	Model Kesedaran Pendidikan Pembangunan Lestari (ESD) Pelajar	342
2	Model Kesedaran Pendidikan Pembangunan Lestari (ESD) Guru	345
1	Rumusan Pengaruh Pemboleh Ubah Bebas Terhadap Pemboleh Ubah Bersandar Bagi Pelajar dan Guru	397



ESD	<i>Education for Sustainable Development</i>
DefSD	Dekad Pendidikan untuk Pembangunan Lestari
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
EE	<i>Environmental Education</i>
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
SLAAS	Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
SSA	<i>Sustainable School Award</i>
N	Bilangan Subjek
R ²	Pekali Penentu Regresi
Anova	<i>Analysis of Variance</i>
sp	Sisihan piawai
Dk	Darjah kebebasan (<i>degree of frequency</i>)
JKD	Jumlah Kuasa Dua (<i>sum of square</i>)
MKD	Min Kuasa Dua (<i>min square</i>)
p	<i>Probability</i>
F	Nilai Ujian <i>Analysis Of Variance</i>
AMOS	<i>Analysis of Moment Structures</i>
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
SEM	<i>Structural Equation Modeling</i>
%	Peratusan
R	<i>Range</i>

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Kelestarian alam dan manusia sememangnya tidak boleh dipisahkan. Sesungguhnya memang tidak dapat dinafikan bahawa, manusia bertanggungjawab dalam setiap tindakan yang diambil terhadap alam sekitar. Ekosistem dan manusia saling melengkapi antara satu sama lain dalam mengimbangi kehidupan. Maka sewajarnya kita menghargai persekitaran dengan cara memelihara dan memuliharanya. Semua pegangan agama yang dianuti di dunia turut meletakkan penjagaan alam di bawah tanggungjawab penganutnya (manusia) dengan pendekatan yang berbeza. Selari dengan itu, setiap pembangunan yang dilakukan oleh manusia haruslah memikirkan tentang impak persekitarannya dengan kata lain pembangunan tanpa menjejaskan alam sekitar demi mencapai pembangunan lestari atau mampan. Pembangunan yang dirancang secara lestari agar memenuhi keperluan bukan kehendak atau keuntungan dapat mengurangkan kadar kerosakan bumi. Malah Zaini (2008) menegaskan bahawa tugas

melestarikan alam sekitar bukanlah satu pilihan tetapi satu kewajipan yang dituntut oleh Islam.

Konsep pembangunan lestari mula diketengahkan dalam satu perjumpaan Strategi Pemuliharaan Dunia (*World Conservation Strategy*) pada tahun 1980 dan telah dikemaskinikan ideanya dalam *World Commission on Environment and Development* (WCED) pada tahun 1984 dan akhirnya, pada tahun 1987 dengan rasminya Laporan Brundtland dibentangkan dengan penegasan kepada konsep pembangunan yang berterusan perlu dilaksanakan oleh semua negara dalam menghadapi isu alam sekitar semasa. Asasnya, konsep pembangunan lestari menjelaskan bahawa, pembangunan yang dilakukan untuk memenuhi keperluan penduduk dunia kini tanpa menjejaskan keperluan penduduk dunia akan datang (WCED, 1987).

Maka, pembangunan lestari dilihat sebagai satu gagasan pembangunan moden yang paling proaktif dan praktikal untuk menangani isu antara tuntutan pembangunan dan pemuliharaan alam sekitar (Fien, 1995; Hopkins & McKeown, 2002; Huckle, 2009; Hazura, 2009; Joshi, 2009; Moroye, 2005; Sterling, 2003; Scoulllos & Malotidi, 2004). Masyarakat dunia mula bimbang isu eksploitasi alam sekitar, pembangunan ekonomi dan kemerosotan kualiti hidup (Omar, 2005). Malahan, aktiviti pembangunan tidak terancang dan pengabaian aspek alam sekitar turut mengancam masa depan generasi akan datang. Tidak dinafikan bahawa, keadaan ini amat serius dan memberi kesan ke atas kemandirian, kelestarian peradaban dan kemakmuran (Laily, 2009). Peningkatan kefahaman dan kesedaran alam sekitar merupakan dua elemen penting dalam pembinaan kapasiti negara menuju pembangunan lestari (Yeoh, 2005). Justeru, kajian ini merupakan salah satu usaha untuk mengenal pasti pelaksanaan pendidikan

pembangunan lestari dalam sistem pendidikan negara dan kesannya kepada masyarakat khususnya pelajar, guru dan ibu/bapa/penjaga.

Ini kerana usaha menanamkan kesedaran terhadap pembangunan lestari tidak hanya terletak pada satu pihak sahaja tetapi semua golongan masyarakat bertanggungjawab dan harus diberi pendedahan kepada konsep pembangunan lestari. Jamaluddin (1996) dalam penulisannya berkenaan pembangunan berterusan/mapan telah menegaskan kepentingan pendidikan, sama ada formal ataupun tidak formal dalam meningkatkan kesedaran orang awam mengenai pembangunan berterusan/mapan. Justeru, guru dilihat sebagai agen perubahan yang berkesan untuk menggerakkan konsep pendidikan untuk pembangunan lestari (Gough, 2005). Pendidikan untuk Pembangunan Lestari atau *Education for Sustainable Development-ESD* merupakan salah satu kaedah yang praktikal untuk menyalurkan bekalan maklumat di peringkat sekolah dalam usaha menanamkan bibit-bibit kesedaran alam sekitar supaya generasi kini lebih menghargai dan menghayati khazanah alam sekitar yang dipelihara untuk generasi kini dan akan datang.

Rumusannya, dalam membina tamadun manusia ke arah pembangunan lestari dan sikap mencintai alam sekitar serta menangani masalah alam sekitar yang timbul, maka faktor pendidikan, sama ada secara formal, tidak formal dan informal adalah penting selari dengan tuntutan agama dan nilai budaya yang diamalkan oleh masyarakat Malaysia.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pembangunan di peringkat global mahupun di dalam negara telah banyak menjejaskan alam sekitar. Usaha penerapan elemen alam sekitar telah pun dijalankan di Malaysia secara formal. Jika disoroti, sejarahnya telah bermula semenjak tahun 1983 menerusi Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) terutamanya dalam mata pelajaran Alam dan Manusia. Pendidikan Alam Sekitar (*Environmental Education-EE*) juga diserapkan sebagai mata pelajaran merentas kurikulum dalam mata pelajaran yang lain seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Seni, Pendidikan Islam, Muzik dan Matematik. Pada tahun 1993, KBSR juga telah merangkumkan unsur EE menerusi subjek Manusia dan Alam Sekeliling. Penekanan elemen utama EE adalah kepada kerohanian, nilai dan sikap serta manusia dan persekitarannya. Mata pelajaran yang disepadukan dengan komponen-komponen ini ialah mata pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Sains dan Kajian Tempatan. Tidak terhenti setakat itu sahaja, malahan usaha diteruskan pada tahun 2011 menerusi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), turut memberi penekanan kepada penerapan elemen EE walaupun bukan di dalam satu subjek yang khusus. Menerusi tunjang ketiga KSSR iaitu tunjang kemanusiaan, penerapan elemen EE seharusnya dapat dilaksanakan oleh guru-guru dalam usaha ke arah pembangunan lestari.

Di peringkat menengah, menerusi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989 telah meletakkan elemen EE secara langsung di dalam subjek Geografi dan Sains meliputi subjek Biologi, Fizik dan Kimia. Dalam konteks pelaksanaan secara merentas kurikulum, EE diajar secara tidak langsung dalam subjek Sejarah, Pendidikan Agama Islam dan Pendidikan Seni. Matlamat EE di Malaysia